



21 SEP, 2024

Kastam rampas barang seludup RM1.76 juta

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam rampas barang seludup RM1.76 juta

Bongkar taktik penyeludup buat ikrar palsu terhadap barang disorok

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI
 SHAH ALAM



Zulkifli (empat dari kiri) menunjukkan antara barang yang dirampas menerusi beberapa siri operasi dijalankan kastam.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit III (LTAKL) menumpaskan kegiatan seludup rokok, tembakau dan arak melibatkan sitaan bernilai lebih RM1.76 juta pada Ogos lepas.

Pengaruh Operasi Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah Zulkifli Muhamad berkata, pada 13 Ogos sekitar jam 6 petang di Zon Perdagangan Bebas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2), anggota yang melakukan serbuan menemukan 84 kotak mengandungi 500,800 batang rokok putih dan 63 kotak mengandungi surat khabar lama dalam muatan empat palet dagangan

"Siasatan mendapati kesemua rokok putih ini masuk ke dalam Zon Bebas KLIA2 tanpa permit sah menggunakan perkhidmatan kargo yang diikrar sebagai pakaian.

"Nilai rampasan dianggarkan RM50,080 dan membabitkan duti dan cukai RM335,536 manakala rokok putih diimport ini tidak mempunyai dokumen sah cukai dibayar



semasa masuk ke negara ini," katanya menerusi kenyataan pada Jumaat.

Katanya, pada 16 Ogos di lokasi sama pihaknya menemui 804,000 batang rokok putih tidak berkastam membabitkan duti dan cukai RM538,400 untuk dieksport ke Australia berdasarkan alamat destinasi akhir pada dokumen.

"Kesemua rokok putih ini menggunakan perkhidmatan kargo dan tidak mempunyai dokumen sah cukai dibayar selain diikrar sebagai baju hujan dan rokok," katanya.

Menurutnya, operasi ketiga dijalankan pada 19 Ogos sekitar jam 4.20 petang di lokasi sama itu menemui 3,000 kilogram tembakau shisha tidak berkastam kerana diimport masuk ke dalam Malaysia tanpa permit import sah.

"Tembakau bernilai RM405,000

membabitkan duti serta cukai RM313,863.75 ini dipercayai untuk dipasarkan dalam negara.

"Siasatan awal mendapati tembakau ini tidak mempunyai dokumen sah cukai dibayar selain diikrar sebagai barang lain," katanya.

Katanya, operasi melibatkan rampasan minuman keras menerusi Ops Royal dijalankan dalam serbuan di dua premis perniagaan sekitar ibu kota pada 13 dan 21 Ogos lalu.

"Serbuan menemukan 323.61 liter minuman keras tidak berkastam dan mempunyai Label Cukai Kastam palsu dianggarkan RM7,300 melibatkan duti serta cukai RM32,200.

"Operasi sama turut menahan dua pemilik premis terlibat berumur lingkungan 40-an untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Tambahnya, kesemua kes ini disiasat serta diambil tindakan di bawah Akta Kastam 1957 dan Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967.



21 SEP, 2024

Kastam rampas barang seludup RM1.76 juta

Sinar Harian, Malaysia



SUMMARIES

Bongkar taktik penyeludup buat ikrar palsu terhadap barang disorok

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit III (LTAKL) menumpaskan kegiatan seludup rokok, tembakau dan arak melibatkan sitaan bernilai lebih RM1.76 juta pada Ogos lepas.